

12 APRIL
2018



LIPUTAN **KHAS**

SPECIAL COVERAGE

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan terbuka untuk menerima kritikan namun ia tidak harus menjurus kepada penyebaran berita tidak benar mengenai kerajaan. Perdana menteri berkata sikap keterbukaan kerajaan terhadap kritikan adalah penting dalam membangunkan sebuah demokrasi yang matang. "Kita nak bangunkan sebuah demokrasi yang matang. Kita boleh kritik kerajaan

tapi jangan sebar berita yang tidak benar (mengenai kerajaan)," katanya. Merujuk kepada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang, perdana menteri menegaskan pertandingan PRU14 harus dilakukan secara matang. "Bertanding sebagai 'anak jantan'. Jangan bertanding secara tidak adil," katanya ketika melancarkan sambutan julung kali Hari Wartawan Nasional 2017/2018 di sini, hari Rabu. Beliau

menarik perhatian bahawa pada pilihan raya umum lepas, Barisan Nasional menjadi mangsa berita palsu misalnya tentang kehadiran 40,000 pengundi hantu dari Bangladesh dan insiden 'black out' semasa pengiraan undi. "Jika perkara itu benar, ia memerlukan bilangan pesawat jumbo 747 yang banyak untuk membawa mereka ke Malaysia. "Walaupun tiada sesiapa pun yang menyaksikan perkara itu berlaku,



**Hindari Berita
Palsu Dalam
Kritik Kerajaan -
Perdana
Menteri**



namun ramai yang telah memilih untuk mempercayai berita tersebut, termasuk mereka yang kononnya golongan urban intelek", kata Najib. Beliau menjangkakan penyebaran berita palsu akan terus berlaku pada pilihan raya umum kali ini. "Mudah-mudahan tak berlaku perkara seperti ini pada PRU14 tetapi saya tidak begitu optimis. Mesti ada cerita. "Apatah lagi dalam sehari dua lagi kita akan berada dalam 'silly season'. Jadi

bila 'silly season' banyaklah cerita yang tak berasas, kadang-kadang cerita yang tak masuk akal tapi bila disebar ia ditelan bulat-bulat," katanya. Mengulas lanjut, Najib berkata sistem pilihan raya di negara ini adalah sudah terbukti kesahihannya dan tidak mungkin penipuan boleh dilakukan. Menurut beliau, ini kerana pembangkang juga menempatkan wakil masing-masing di setiap pusat mengundi bagi memantau

proses tersebut dan memastikan tiada individu yang tidak berhak mengundi dibenarkan berbuat demikian. Beliau turut berharap pengamal media di negara ini memainkan peranan dalam mencari kebenaran dan menyebarkan berita yang benar.

-- BERNAMA

